

# MPPP, JPS cari jalan seragam bersih sampah

**?** Saya dapati banyak sampah sarap di pesisiran pantai Pulau Pinang terutama berhampiran jeti feri. Apakah usaha Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengatasi masalah itu.

**Pengunjung Tetap**  
Alor Setar, Kedah

**!** Kita sedar perkara ini dan sentiasa menangani masalah pencemaran sampah setiap hari menerusi petugas MPPP yang berperanan mengutip sampah. Dianggarkan terdapat kira-kira dua tan sampah sarap dikutip setiap hari oleh petugas yang menaiki bot bagi mengutip sampah di sepanjang perairan Persiaran Gurney hingga Jambatan Pulau Pinang bermula jam 8 pagi hingga jam 5 petang. Lokasi yang mengalami kesan pencemaran sampah yang teruk dikesan di muara Sungai Pinang, Georgetown.

Walaupun MPPP bertanggungjawab membersihkan perairan di bahagian pulau negeri ini, namun tugas pembersihan seperti di



*Sampah sarap yang terapung di muara Sungai Pinang, Georgetown dikesan paling tercemar.*  
(FOTO SYED ISMAIL SYED ABU BAKAR | BH)

Sungai Pinang di bawah tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri. Justeru, MPPP akan berbincang dengan JPS negeri bagi mencari jalan terbaik bagi bekerjasama membersihkan kawasan

yang teruk tercemar yang menjejaskan imej negeri ini.

**Mubarak Junus**  
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MPPP